

**Majlis Penghargaan Projek Keceriaan *24 hour Learning Facility* & Sumbangan Projek *Umbrella Tree***

Ruang Hub Sosial, PKMA

12 Jun 2015

Ucapan aluan KP

Selamat pagi & Salam sejahtera

Terima kasih pengacara majlis

Yang dihormati **Encik Shaik Azahar Shaik Hussain**

Yang Berusaha Pn. Korina Ibrahim, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Yang Berusaha Pn. Zainun Mat Nor, Timbalan Ketua Pustakawan

Yang Berusaha Tn Hj Valentino Abu Bakar, Timbalan Ketua Pustakawan

Para pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Dan para pustakawan sekalian.

Bersyukur kita kerana pada pagi ini kita dapat mengadakan **Majlis Penghargaan Projek Keceriaan *24 hour Learning Facility* & Sumbangan Projek *Umbrella Tree*** daripada pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di bawah bimbingan En Shaik Azahar Shaik Hussain

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada En. Shaik Azahar Bin Shaik Hussain dan para pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang telah terlibat dalam Projek Keceriaan *24 hour Learning Facility* dan sumbangan *Umbrella Tree* kepada PKMA. Keceriaan *24 hour Learning Facility* telah disiapkan pada 26 Disember 2014 manakala pada 23 Disember 2014, 5 buah *Umbrella Tree* telah diserahkan kepada pihak PKMA dan ditempatkan di pintu masuk utama PKMA.

Hasil lukisan ditambah dengan kata-kata motivasi menggunakan kapur berwarna telah menceriakan lagi suasana pembelajaran dalam Bilik *24hour Learning Facility*. Para pelajar dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya dalam masa dua hari sahaja. Hasil kreatif pelajar telah menghidupkan suasana ceria di bilik tersebut.

Seramai 390 orang pelajar kursus GKA1013 “*Creative Thinking*” telah menghasilkan Projek *Umbrella Tree*. Ini dapat membantu menangani masalah kekurangan tempat penyimpanan payung terutama apabila hujan. Sebelum adanya *Umbrella Tree* ini, pengguna-pengguna cenderung untuk meletakkan payung di tempat yang tidak sepatutnya seperti di atas papan notis, pasu bunga dan sebagainya.

Sepanjang pemerhatian pihak PKMA, *Umbrella Tree* tersebut telah berjaya menarik perhatian pengguna untuk menggunakan kemudahan tersebut sebaiknya dan secara langsung membantu PKMA menangani masalah payung yang beselerakan.

Usaha murni seperti ini haruslah diteruskan dan pihak PKMA amat berbesar hati menerima banyak lagi sumbangan kreatif daripada pihak Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

Sebagai penghargaan kepada usaha dan sumbangan pelajar yang terlibat dengan Projek Keceriaan *24 hour Learning Facility* dan *Projek Umbrella Tree* ini, pihak PKMA dengan berbesar hati ingin menyampaikan sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih kami kepada anda semua.

Akhir kata, semoga kerjasama seperti ini akan sentiasa berterusan dan hubungan baik antara pihak PKMA dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif akan terus subur dan mantap dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.